



MAJLIS PERBANDARAN SEGAMAT
TAWARAN SEBUT HARGA
NO. SEBUT HARGA : MPS/2024/08


Sebut Harga adalah dipelawa kepada Kontraktor Bumiputera yang berdaftar dengan **LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA (CIDB)** di bawah gred / kategori / pengkhususan berkaitan dibenarkan membuat tawaran pada masa ini bagi perkara berikut :

Tajuk Kerja	Gred / Kategori / Pengkhususan	Harga Dokumen Sebut Harga
MEMBAIK PULIH DAN MENAIK TARAF MEDAN SELERA JALAN SYED ABD KADIR, MP SEGAMAT	G2 CE CE21	RM 50.00

- Tawaran ini terbuka kepada Syarikat yang telah berdaftar dengan Majlis Perbandaran Segamat sahaja. Pendaftaran pertama kali (bagi yang belum berdaftar) / pembaharuan pendaftaran boleh dilakukan semasa urusan pembelian Dokumen Sebut Harga.
- Dokumen Sebut Harga akan mula dijual pada **17 April 2024 (Rabu)** sehingga **24 April 2024 (Rabu)** di **Kaunter Unit Perolehan, Majlis Perbandaran Segamat** dengan bayaran dalam bentuk **Draf Bank** daripada bank yang berlesen dan beroperasi di Malaysia atau **Kiriman Wang Pos (Money Order)** atau **Wang Kiriman Pos Berpalang (Postal Order)** atas nama Majlis Perbandaran Segamat.
- Tawaran Sebut Harga dikeluarkan kepada pemilik syarikat yang sah sahaja bagi pembelian Dokumen Sebut Harga. Sila bawa bersama sijil-sijil asal berserta satu (1) salinan dokumen-dokumen berikut:-
 - Sijil Perakuan Pendaftaran (CIDB);
 - Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK);
 - Sijil Taraf Bumiputera (STB);
 - Sijil Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM);
 - Cap Syarikat
- Waktu penjualan Dokumen Sebut Harga adalah seperti berikut:-

Hari	Waktu Operasi Kaunter
Ahad - Khamis	8:30 pagi - 3:00 petang 1.00 petang - 2:00 petang (Rehat)

- Dokumen Sebut Harga yang telah dilengkapkan, hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri serta dinyatakan No. Sebut Harga yang berkenaan di sebelah kiri atas sampul surat dan dimasukkan ke dalam Peti Tawaran Sebut Harga di Unit Perolehan Majlis Perbandaran Segamat sebelum atau pada **24 April 2024 (Rabu)** sebelum jam 12.00 tengahari.


(HAJI MOHD HELMI BIN DATO' HAJI SHA'RI @ SHANGARI)
Yang Dipertua,
Majlis Perbandaran Segamat

Tarikh:

07/4/24